

UniMAP ERATKAN HUBUNGAN DENGAN KETUA JABATAN PERLIS

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus melebarkan jaringan sosialnya dengan mengeratkan hubungan bersama ketua-ketua jabatan dan pihak media di Perlis dalam usaha mendekatkan mereka dengan universiti itu.

Program yang diberi nama Sehari UniMAP Bersama Ketua Jabatan Negeri, Persekutuan, Badan Berkanun dan Swasta yang berlangsung pada 22 Oktober 2009 lalu memberikan kesan yang mendalam kepada UniMAP. Program yang dirangka khas oleh Unit Kajian Strategik (UKS) itu adalah yang kedua kali diadakan dan bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala antara pihak UniMAP dengan ketua-ketua jabatan dan pihak media di Perlis.



Selain itu, program itu juga turut memberi peluang perbincangan sebarang isu-isu UniMAP di Negeri Perlis bersama Ketua-Ketua Jabatan dalam mengukuhkan hubungan dua hala. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin berkata, pelaksanaan program ini merupakan satu kebaikan untuk kedua-dua pihak dalam usaha memartabatkan bidang pendidikan di Perlis.

"Saya percaya program sebegini memberi peluang kepada kita untuk saling mengenali serta berkongsi pendapat selain menjadikan Perlis sebagai sebuah gedung ilmu. Hubungan yang akrab antara UniMAP dan ketua-ketua jabatan turut membantu dalam melahirkan modal insan yang berkualiti sejajar dengan hasrat kerajaan negeri menjadikan Perlis Maju 2015," katanya.



Sepanjang program itu, ketua jabatan turut didedahkan dengan lebih mendalam mengenai kewujudan UniMAP di negeri Perlis dan perkembangan UniMAP dari awal penubuhannya sehingga kini. Bermula dengan taklimat pada sebelah pagi, ketua-ketua jabatan dibawa melawat ke Kilang Mengajar dan Bilik Bersih UniMAP di Kuala Perlis serta diberikan penerangan mengenai kecanggihan teknologi yang digunakan oleh UniMAP.

Ketua-ketua jabatan ini juga tidak ketinggalan dibawa melawat ke Kampus Alam di Ulu Pauh Selesai lawatan, mereka diraikan dalam majlis jamuan tengahari. Turut hadir di majlis berkenaan adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Dr. Zulkefli Bin A. Hassan. Pada sebelah petangnya pula, Ketua - ketua Jabatan Negeri, Persekutuan, Badan Berkanun dan Swasta, pihak media serta ketua jabatan UniMAP menyertai pertandingan boling persahabatan yang diadakan di Alor Setar.



Program yang berlangsung sehingga lewat petang itu telah mencapai objektif dan sasarannya kerana mendapat kerjasama daripada semua pihak dan diharapkan program ini akan terus berlangsung setiap tahun dalam langkah memartabatkan nama UniMAP ke persada antarabangsa.